CIDB MALAYSIA
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Ibu Pejabat
Tingkat 10, Menara Dato Onn,
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur,
No 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Tel : 603-4047 7000 Fax : 603-4047 7070
E : www.cidb.gov.my

No. Ruj : LPIPM:SPT/BSB/10/1/2 ( 11 )
Tarikh : 21 Disember 2023

Kepada:

**YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN JADUAL KE-4 AKTA 520**
**- Pemakluman Tatacara Pelaksanaan Ujian Bagi Produk *Ceramic Tiles (ceramic panel)* di bawah standard MS ISO 13006:2020**

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat CIDB No rujukan: LPIPM:SPT/BHB/05/01/1 (6) bertarikh 28 September 2021 adalah dirujuk.

2. Seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat bersama industri pada 19 Disember 2023, dimaklumkan semua penetapan dalam surat LPIPM: SPT/BHB/05/01/1 (6) bertarikh 28 September 2021 adalah kekal dan tiada perubahan sehingga standard ini dikemaskini dan dimaklumkan oleh CIDB.

3. Bagi pengeluaran Perakuan Pematuhan Standard (PPS) oleh CIDB seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, hanya *Product Certification* (PC) dan *Full Type Test Report* (FTTR) sahaja yang diterima. Bersama-sama ini dilampirkan semula surat CIDB No rujukan: LPIPM:SPT/BHB/05/01/1 (6) bertarikh 28 September 2021 yang menerangkan tatacara pelaksanaan ujian bagi MS ISO 13006:2020 untuk perhatian Tuan/Puan.

4. Untuk pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai kami iaitu Ts. Nur Hanis Amsari atau Md Zahari Abdul Rahman di talian 03-4047 7485 dan 03-4047 7438 atau emel kepada standard@cidb.gov.my.

Sekian harap maklum.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BINA SEMPURNA"**

**Sr NAZIR MUHAMAD NOR**

Pengurus Besar
Bahagian Standard & Bahan Binaan
b.p Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

CIDB MALAYSIA

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Ibu Pejabat
Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra,
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel : 603 - 4047 7000 Fax : 603 - 4047 7070
E : www.cidb.gov.my

No. Ruj : LPIPM:SPT/BHB/05/01/1 ( 6 )
Tarikh : 28 September 2021

Kepada:

**YANG BERKENAAN**

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**PENGUATKUASAAN JADUAL KE-4 AKTA 520**
**- Pemakluman Penguatkuasaan Standard MS ISO 13006:2020 Bagi Menggantikan MS ISO 13006:2014**
**- Pemakluman Tatacara Pelaksanaan Ujian Bagi Produk *Ceramic Tiles (ceramic panel)* di bawah standard MS ISO 13006 dan;**

---

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang YBhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan sedia maklum, produk ceramic tiles adalah produk disenaraikan dalam Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Jadual Keempat dengan pematuhan kepada MS ISO 13006.

3. Adalah dimaklumkan, pihak CIDB akan **menguatkuasakan penggunaan MS ISO 13006:2020 bagi menggantikan MS ISO 13006:2014 bermula dari 1 Mac 2023.** Namun bagi pembekal yang masih menggunakan standard MS ISO 13006:2014 akan diberi tempoh peralihan bagi mematuhi ketetapan standard baharu ini sehingga tempoh tersebut. Bagi menyelaras penandaan produk berdasarkan kepada standard terkini, YBhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan boleh merujuk kepada **Lampiran A** disediakan untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

4. Selain itu, CIDB juga ingin memaklumkan seperti yang telah dipersetujui dalam mesyuarat bersama ahli jawatankuasa WG/D/12-2 - Working Group on Ceramic Tiles di bawah seliaan Jabatan Standard Malaysia pada 1 Disember 2020 yang lepas bahawa;

a) **Semua *ceramic tiles* termasuk *ceramic panel* yang kaedah pembuatannya adalah *dry pressed* seperti dinyatakan dalam MS ISO 13006, akan diuji mengikut kepada standard MS ISO 13006**. *Ceramic panel* adalah ***ceramic tiles* MS ISO 13006 yang mempunyai *surface area* > 1.44m².**

b) **Pengujian produk MS ISO 10545-2:2002 bagi:**
**Clause 4: Measurement of straightness of sides**
**Clause 5: Measurement of rectangularity**
**Clause 6: Measurement of surface flatness**

**masih perlu dilaksanakan. Sekiranya tiada fasiliti bagi ujian berkenaan, adalah menjadi tanggungjawab badan pensijilan (CB) bagi menentukan kaedah yang sesuai untuk melaksanakan ujian tersebut.** Penetapan kaedah ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan sehingga dimaklumkan kemudian.

c) Pensijilan produk (PC) bagi *ceramic panel* yang dikeluarkan oleh CB akan **mengekalkan nama produk *Ceramic Tiles* dan standard rujukan kepada MS ISO 13006 tetapi dinyatakan pengecualian ujian seperti perkara 3(b)** perlu dinyatakan dalam PC tersebut.

d) Perkara yang dinyatakan dalam 3 (a) adalah tidak termasuk **produk *thin tiles*** yang mana kaedah pembuatannya **adalah tidak seperti dinyatakan dalam MS ISO 13006** dan tidak termasuk dalam kategori produk dalam Perintah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Jadual Keempat.

5. Untuk pertanyaan mengenai perkara ini, YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, boleh menghubungi pegawai CIDB, Pn. Nur Hanis Amsari di talian 03-4047 7485 atau standard@cidb.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**'BINA SEMPURNA'**

**Ts. MOHD IDRUS DIN**
Pengurus Besar
Bahagian Standard dan Bahan Binaan
b.p. Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

**LAMPIRAN A**
**PENANDAAN PRODUK MENGIKUT MS ISO 13006:2020**

| *Clause* | *Marking* | Ulasan |
|---|---|---|
| *Clause 8.1 (a)* | *manufacturer's mark and/or trademark and the country where the tile was manufactured (i.e. country of origin, as determined by the relevant international regulation);* | Tiada ulasan. |
| *Clause 8.1 (b)* | *indication of first quality* | Menerimapakai semua indikasi yang menunjukkan *first quality* dan telah ditentusahkan oleh CB. |
| *Clause 8.1 (c)* | *type of tile and reference to the appropriate group and/or annex of Annexes A to H and Annexes to M covering the specific group of tile;* | Tiada ulasan. |
| *Clause 8.1 (d)* | *nominal and work sizes, and 'M if' modular* | Hanya jika tiles tersebut adalah *modular*, maka Marking perlu diletakkan "M". Sekiranya tidak modular, tidak perlu dinyatakan *non-modular* dalam penandaan. |
| *Clause 8.1 (e)* | *nature of the surface, i.e. glazed (GL) or unglazed (UGL)* | Tiada ulasan. |
| *Clause 8.1 (f)* | *any surface treatment applied after firing;* | Marking Clause 8.1 (f) tidak terhad untuk menyatakan '*polished*' atau '*non-polished*'. Ia bergantung kepada apa-apa jenis '*surface treatment*' yang dilaksanakan oleh pengeluar. Sekiranya tidak berkaitan, tidak perlu dinyatakan dalam penandaan. |
| *Clause 8.1 (g)* | *total number of tiles in the package;* | Merupakan penandaan tambahan dalam standard terkini. Keperluan penandaan seperti yang dinyatakan dalam standard. |
| *Clause 8.1 (h)* | *manufacturer's production run or batch number;* | Tiada ulasan. |
| *Clause 8.1 (i)* | *an indication of colour consistency, as defined by the manufacturer;* | Merupakan penandaan tambahan dalam standard terkini. Warna dinyatakan adalah mengikut kepada definisi yang ditentukan oleh pengeluar. |

<table>
<tr>
<td>Clause 8.1 (j)</td>
<td>total dry weight which the tiles and their packaging shall not exceed;<br><br>dan<br><br>National Foreword:
<table>
<tr><td>Clause/ Subclause</td><td>Modifications</td></tr>
<tr><td>8.1 Marking (j)</td><td>Total dry weight which the tile and their packaging shall not exceed. As per the prevailing standard, the wording to be used and acceptable are:<br>a) Max dry weight as per examples 1,2 and 3<br>b) Total dry weight: Max xx kg OR<br>c) Total dry weight shall not exceed: xx kg</td></tr>
</table>
</td>
<td>Keperluan ayat dalam penandaan diperjelaskan dalam National Foreword standard.</td>
</tr>
<tr>
<td>Clause 8.1 (l)</td>
<td>National Foreword:
<table>
<tr><td>Clause/ Subclause</td><td>Modifications</td></tr>
<tr><td>8.1 Marking (l) – additional marking</td><td>The special properties or classification shall be indicated such as the slip resistant index or antimicrobial properties as per the technical specifications stated in the brochures.</td></tr>
</table>
</td>
<td>Merupakan penandaan tambahan dalam standard terkini. Sekiranya tiada 'special properties' tidak perlu dinyatakan dalam 'no special properties' dalam penandaan.</td>
</tr>
</table>